



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِسلامْ نَغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

16 SAFAR 1448H/ 31 JULAI 2026M

“PERSIAPAN AKHIRAT YANG SEMPURNA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketakwaan ini, kita tergolong dalam golongan hamba-hamba Allah yang berjaya di dunia dan di akhirat. Pada kesempatan yang mulia ini, khatib ingin mengajak diri khatib sendiri dan seluruh jamaah sekalian untuk merenung sejenak tentang satu perkara yang sering dilupakan dalam kesibukan hidup di dunia, iaitu persiapan menghadapi hari akhirat. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Mimbar hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **“PERSIAPAN AKHIRAT YANG SEMPURNA”**

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mimbar mengajak para jamaah menghayati firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr, ayat 18 yang telah dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi **yang bermaksud:** *“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri melihat apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat). Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

Ayat ini adalah peringatan yang amat jelas bahawa setiap kita wajib menyediakan bekalan untuk hari esok yang lebih besar, iaitu hari akhirat. Dunia ini hanyalah tempat persinggahan sementara, manakala akhirat itulah destinasi yang sebenar dan yang kekal abadi.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Baginda Rasulullah SAW pernah bersabda:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا،
وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ الْأَمَانِيَّ.

Maksudnya: *“Orang yang bijak ialah orang yang menghisab (menilai) dirinya sendiri dan beramal untuk kehidupan selepas mati. Manakala orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsunya serta berangan-angan kosong terhadap Allah.”* (Riwayat at-Tirmizi)

Hadis ini mengajar kita bahawa kejayaan sebenar bukanlah diukur dengan kekayaan, pangkat, atau kemewahan di dunia semata-mata, tetapi diukur dengan sejauh mana kita bersedia untuk hari perhitungan di sisi Allah SWT.

Bagaimanakah persiapan akhirat yang sempurna itu boleh kita dapati? Khatib ingin mengajak jemaah sekalian untuk memberikan perhatian terhadap beberapa perkara yang berikut:

Pertama: Memperbaiki hubungan dengan Allah SWT melalui solat.

Solat ialah tiang agama dan amalan pertama yang akan dihisab di akhirat kelak. Sabda Rasulullah SAW: *“Amalan pertama yang akan dihisab pada hari kiamat ialah solat. Jika solatnya baik, maka baiklah seluruh*

amalannya, dan jika rosak solatnya, maka rosaklah seluruh amalannya."
(Riwayat At-Tabrani)

Justeru, jagalah solat lima waktu dengan sempurna, khusyuk, dan tepat pada waktunya, kerana solat ialah asas kepada seluruh persiapan akhirat.

Kedua: Bertaubat dan memperbanyakkan istighfar.

Manusia tidak lari daripada melakukan dosa dan kesilapan. Namun, sebaik-baik manusia yang berdosa ialah mereka yang segera kembali bertaubat kepada Allah SWT. Firman Allah dalam Surah At-Tahrim, ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya (nasuha)."*

Ketiga: Memperbanyakkan sedekah dan amal jariah.

Harta yang kita kumpulkan di dunia tidak akan dibawa ke alam kubur, melainkan tiga perkara sahaja yang akan berterusan pahalanya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW **yang bermaksud:** *"Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakannya."* (Riwayat Muslim)

Keempat: Memperbaiki hubungan sesama manusia.

Persiapan akhirat bukan sahaja melibatkan hubungan dengan Allah (hablum minallah), tetapi juga hubungan sesama manusia (hablum minannas). Selesaikanlah pertikaian, maafkanlah kesalahan orang lain, dan eratkanlah silaturahim, kerana hutang dosa sesama manusia tidak akan terampun melainkan dengan keredaan dan kemaafan daripada mereka yang dizalimi.

Kelima: Sentiasa mengingati mati.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَكْثَرُوا ذِكْرَ هَازِمِ اللَّذَاتِ.

Daripada Abu Hurairah radiallahuanhu, Rasulullah SAW bersabda “Perbanyakkanlah mengingati perkara yang memutuskan segala kelazatan (kenikmatan dunia), iaitu mati.” (Riwayat At-Tirmizi)

Perkataan هَازِمِ اللَّذَاتِ bermaksud sesuatu yang menghancurkan atau memutuskan segala kelazatan, iaitu kematian. Rasulullah SAW menganjurkan umatnya agar sentiasa mengingati mati kerana dengan mengingati mati akan melembutkan hati, mengurangkan kecintaan terhadap dunia, mendorong kepada taubat, dan meningkatkan persediaan untuk bertemu Allah SWT.

Dengan mengingati mati, hati akan menjadi lembut, terhindar daripada kealpaan, dan akan lebih bersemangat untuk beramal soleh sebelum ajal tiba.

SIDANG JAMAAH YANG DIMULIAKAN,

Marilah kita jadikan setiap hari yang berlalu sebagai peluang untuk memperbaiki diri dan mempertingkatkan bekalan menuju akhirat. Jangan biarkan kesibukan dunia melalaikan kita daripada tujuan hidup yang sebenar, iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT dan kembali kepada-Nya dalam keadaan husnul khatimah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Mimbar mengambil peluang pada hari yang mulia ini, untuk menyeru para jamaah sekalian agar menghayati pengorbanan para pahlawan yang telah berjuang mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Bersempena Sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Sabah Tahun 2026, marilah kita mengenang jasa serta pengorbanan anggota pasukan keselamatan yang sanggup mempertaruhkan nyawa demi menjamin keamanan dan kedaulatan negara. Dalam Islam, mempertahankan keamanan dan menolak segala bentuk pencerobohan merupakan suatu amanah yang mulia. Oleh itu, marilah kita mendoakan agar Allah SWT mengurniakan perlindungan, kekuatan dan rahmat-Nya kepada seluruh anggota pasukan keselamatan, serta menanamkan dalam diri kita semangat patriotisme, perpaduan dan tanggungjawab bersama untuk memelihara keamanan, keharmonian dan kedaulatan negeri Sabah serta negara yang kita cintai.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اَللّٰهُمَّ اَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَنِ وَاِيتٰى ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ
فَاذْكُرُوا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمَةِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522222/ 127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com